

Tiada syarat jumpa Dr M

PM harap pertemuan bawa kebaikan kepada Umno dan rakyat

Oleh Kadir Dikoh

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam berkata beliau sedia bertemu Tun Dr Mahathir Mohamad sebelum Aidilfitri minggu depan tanpa mengenakan sebarang syarat.

Perdana Menteri berharap pertemuan itu, yang hanya membabitkan beliau dan Dr Mahathir tanpa kehadiran pihak ketiga, dapat membawa kebaikan kepada semua termasuk Umno dan rakyat.

"Kebaikan untuk kami... dia dengan saya. Kebaikan untuk semua, kebaikan orang yang dah runsing"

Abdullah Ahmad Badawi

Memberitahu sidang akhbar selepas menerima kunjungan Perdana Menteri Thailand yang baru, Surayud Chulanont di sini semalam, beliau bagaimanapun enggan menyatakan tarikh dan tempat pertemuan itu.

Pertemuan kedua-dua tokoh itu dibuat hasil cadangan Majlis Bekas Wakil Rakyat (Mubarak) bagi meredakan ketegangan hubungan antara mereka.

Kelmarin, Dr Mahathir menyatakan beliau sedia menemui Abdullah

bagi berbincang mengenai apa yang disifatkan sebagai masalah dalam pentadbiran.

Ditanya sama ada hasil pertemuan itu nanti dapat menyelesaikan perselisihan faham di antara mereka sekaligus menghentikan kritikan bekas Perdana Menteri itu terhadap kepemimpinannya, Abdullah berkata: "Insyallah."

Dr Mahathir sebelum ini mengkritik secara terbuka kepimpinan Abdullah termasuk berhubung isu pembatalan jambatan bagi menggan-

tikan Tambak Johor dan pengeluaran permit import kenderaan (AP).

Berikut soal jawab antara Abdullah dan media mengenai reaksi beliau berhubung pertemuan berkenaan.

Wartawan: Tun Mahathir kata beliau bersedia jumpa Pak Lah. Adakah Pak Lah pun bersedia?

Abdullah: Saya pun memang bersedia nak jumpa. Sebenarnya, setelah pihak Mubarak bertemu dengan

Pertemuan sebelum hari raya

DARI MUKA 1

Tun Dr Mahathir ketika majlis berbuka puasa, mereka tentu sekali sudah cakap perkara ini dengan Tun. Sebab lepas pada itu, mereka jumpa saya dan sudah menyatakan adalah baik jika sekiranya saya dan Tun dapat berjumpa. Pihak Tun sendiri sudah pun bersedia hendak berjumpa, saya jawab pun, saya bersedia hendak jumpa. Itu jawapan saya dan sebelum saya ke Makkah (Khamis lalu), saya mencadangkan satu tarikh kepada beliau dan beliau juga membuat satu cadangan, hari nak pinda sikit, waktunya itu. Nampaknya tak dapat hendak disesuaikan tarikh dan masa untuk kami berjumpa. Maka Tun mengatakan, tak apalah, bila saya balik dari Makkah nanti, kita akan tentukan tarikh baru iaitu kita akan jumpa.

Wartawan: Bila?

Abdullah: Bila saya jumpalah.. itulah tarikhnya.

Wartawan: Sebelum hari raya?

Abdullah: OK, saya beritahu anda, sebelum raya. Habis, jangan tanya saya lagi.

Wartawan: Adakah perjumpaan ini bersyarat?

Abdullah: Tak ada syarat. Tak ada syarat.

Wartawan: Adakah perjumpaan ini antara Pak Lah dan Tun saja?

Abdullah: Saya dengan dia saja.

Wartawan: Di mana, Kuala Lumpur?

Abdullah: Di mana kita jumpa, itulah tempatnya. Takkan nak beritahu... apalah you orang fikir, macamlah saya ini tak pernah jumpa Tun.

Wartawan: Apakah pihak ketiga akan turut hadir pada mesyuarat itu?

Abdullah: Tak payah. Tun tidak kata apa-apa, youtanya I macam-macam, buat apa.

Wartawan: Tun kata beliau akan mengemukakan semua perkara yang disifatkan sebagai masalah pada pertemuan itu. Apakah pihak Pak Lah sendiri juga akan timbulkan beberapa isu?

Abdullah: Tak ada... saya tak ada beri apa-apa pun.

Wartawan: Apakah harapan Pak Lah pada pertemuan itu?

Abdullah: Harapan saya, insya-Allah akan membawa kebaikan.

Wartawan: Pertemuan ini sebelum hari raya?

Abdullah: Saya baru kata tadi, sebelum hari raya. Apa you tak dengar, korek-korek telinga tu (gelak).

Wartawan: Apakah Pak Lah akan mendengar semua permasalahan yang akan ditimbulkan oleh Tun?

Abdullah: Tak apa, tak apalah... saya ada dua telinga.

Wartawan: Pak Lah kata menjadi harapan untuk bawa kebaikan dalam pertemuan ini. Kebaikan untuk siapa?

Abdullah: Kebaikan untuk kami... dia dengan saya. Kebaikan untuk semualah, kebaikan orang yang dah runsing kepala ni... (yang kata), apa dah jadi ni.

Wartawan: Kebaikan untuk Umno juga?

Abdullah: Ya, untuk Umno dan semua rakyat.

Wartawan: Menerusi pertemuan ini, adakah sebarang perselisihan faham akan dapat diselesaikan dan segala kritikan terhadap Pak Lah akan berhenti?

Abdullah: Insy-a-Allah

Wartawan: Apakah ada sebarang syarat ditentukan untuk perjumpaan ini?

Abdullah: Tak apalah, tak apalah.